

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

DBKL ROBOH PREMIS INSAF MALAYSIA

Beri ruang lagi 2 minggu

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kekal dengan keputusan merobohkan premis diduduki Pertubuhan Bantuan Teknikal Insaf Malaysia (Insaf Malaysia) di Taman Setia-wangsa, di sini dan memberi tempoh tambahan dua minggu untuk mengosongkan tapak berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, status tapak itu milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan sudah diwaratkan sebagai tanah lapang di bawah seliaan DBKL.

“Berdasarkan maklumat saya terima, operasi dibuat teratur mengikut peraturan. Beberapa siri terlibat dilaksana sejak Disember 2023 dan notis juga beberapa sudah kali dikeluarkan.

“Pihak pertubuhan bersetuju mengosongkan tapak selewat-lewatnya pada 31 Januari 2025,” katanya.

Dr Zaliha menegaskan keputusan DBKL berdasarkan prosedur ditetapkan dan peraturan pihak berkuasa perlu dipatuhi.

“Walaupun operasi sudah dilaksana (semalam), namun DBKL masih beri ruang untuk pihak terbabit mengosongkan tapak itu dalam tempoh dua minggu dari sekarang.



“
Niat murni mereka amat saya hargai terutama dalam melakukan kerja amal
Dr Zaliha

“Niat murni mereka amat dihargai terutama dalam melakukan kerja amal. Namun peraturan dan garis panduan pihak berkuasa perlu dipatuhi,” katanya.

Sebelum ini, Presiden dan Pengasas Insaf Malaysia, Ishak Abdul Kadir berkata pihaknya meminta supaya DBKL dan Ahli Parlimen Setiaawangsa Nik Nazmi Nik Ahmad mempertimbangkan semula notis pengosongan dikeluarkan pada 28 Januari lalu dan

dijadualkan berkuat kuasa pada 3 Februari 2025.

Menurut Ishak, pihaknya bukan menolak pembangunan atau enggan berpindah, tetapi masih dalam proses mencari lokasi baharu sebagai ganti kepada premis terbabit.

“Pihak kami sudah menghantar surat kepada DBKL, Parlimen Setiaawangsa, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pejabat Tanah supaya proses perobohan dapat ditangguhkan selama enam bulan,

namun permohonan kami tidak didengari.

“Premis digunakan sejak tahun 2011 dan menjadi pusat utama pelbagai program kebajikan termasuk pengagihan bantuan makanan kepada golongan memerlukan,” katanya.

Untuk rekod, bermula jam 8 pagi kelmarin DBKL merobohkan Pejabat dan Dapur Insaf Malaysia di Taman Setiaawangsa yang sudah beroperasi lapan tahun sejak ditubuhkan secara rasmi pada Jun 2011.

PROSES perobohan premis Insaf Malaysia dilakukan DBKL di Setiaawangsa.